

# Kerajaan tak akan ambil tindakan pada Majlis Peguam — PM

16 MARI 1992

KUALA LUMPUR 15 Mac — Kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan terhadap Majlis Peguam kerana tidak mahu mengongkang mereka, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, Majlis Peguam yang dianggotai oleh golongan terpelajar seharusnya mengkaji tindak-tanduk mereka supaya selaras dengan prinsip-prinsip keadilan dan amalan perundangan negara.

Dr. Mahathir menyatakan demikian sebagai mengulas pertanyaan berhubung dengan cadangan untuk meminda undang-undang bagi membolehkan Peguam Negara secara automatik mengetuai majlis tersebut.

## Rakyat

"Kita tidak akan mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka dan terpulanglah kepada rakyat untuk mengadili badan itu sama ada bersifat Majlis Peguam atau parti politik," katanya kepada para pemberita selepas melancarkan Hari Pengguna Sedunia di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Menurut Perdana Menteri, tindakan Majlis Peguam tidak mengiktiraf Tun Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara tidak meninggalkan apa-apa kesan terhadap kerajaan.

"Kita tidak akan terpengaruh dengan orang-orang yang sudah tidak tahu menimbang secara adil serta bersifat berat sebelah.

"Majlis Peguam juga dipenga-

ruhi oleh fikiran-fikiran politik khususnya parti lawan dan penglibatan mereka menunjukkan kekecewaan kerana tidak dapat kuasa melalui proses demokrasi," kata beliau.

Ditanya sama ada perlu satu kod etika diwujudkan untuk peguam-peguam itu, Dr. Mahathir berkata, mereka sudah ada kod etika, tetapi tidak mematu-hinya.

Beliau turut menyanjung ting- gi tindakan Manjeet Singh melepaskan jawatannya sebagai Presiden Majlis Peguam semalam kerana tidak bersetuju dengan keputusan majlis itu mengekalkan usul undi tidak percaya terhadap Hamid Omar.

"Saya rasa dia amat berani dalam membuat keputusan itu kerana sudah tentu dia akan dikecam hebat oleh ahli-ahli yang lain," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, walaupun Manjeet akan dituduh menukar pendirian tetapi penjelasannya menunjukkan apa yang berlaku

LIHAT MUKA 2